

Headline	FAMA teroka pasaran Arab Saudi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	140,000
Page No	39	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	460 cm <sup>2</sup>
Journalist	NORSHAHZURA MAT ZUKI	AdValue	RM 9,752
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,256



# FAMA teroka pasaran Arab Saudi

**Sasar penguasaan pasaran meningkat**

NORSHAHZURA MAT ZUKI

**L**EMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) komited meluaskan pasaran produk agromakanan di peringkat antarabangsa melalui penerokaan pasaran di beberapa negara termasuk di Arab Saudi pada tahun ini.

Ahli Lembaga Pengarahnya, Misdan Adam berkata, jumlah keseluruhan eksport makanan Malaysia ke Arab Saudi ialah RM650.33 juta melibatkan 10 kategori produk antaranya daging dan sediaan daging, kopi, koko, teh, rempah, bijirin dan sediaan bijirin serta sediaan makanan lain.

Menurutnya setakat ini, terdapat 15 usahawan tempatan telah mengeksport makanan yang terdiri daripada pelbagai kategori produk ke Arab Saudi dengan melibatkan 21 unit simpanan stok (SKU).

"Kami menjangkakan jumlah penglibatan usahawan mengeks-



Misdan (tiga dari kanan), bersama Muzalree (lima dari kanan) dan tetamu yang hadir memasukkan produk Ryverra ke dalam kontena.

port makanan ke Arab Saudi akan meningkat kepada 26 usahawan menjelang tahun 2020.

"FAMA telah mempergiatkan usaha penerokaan ke pasaran Arab Saudi bermula pada tahun 2016 kerana terdapat permintaan sepanjang tahun untuk produk halal Malaysia di Arab Saudi.

"Pada masa ini, kemasukan produk halal Malaysia ke pasaran tersebut masih kecil. Kami melihat potensi agromakanan dalam pasaran Arab Saudi dan negara Gulf Cooperation Coun-

cil (GCC)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Flag Off Penerokaan Pasaran Produk Syarikat Ryverra Chocolate & Confectionery Sdn Bhd (Ryverra) ke Arab Saudi, di Klang, Selangor semalam.

Hadir sama ialah Timbalan Ketua Pengarah FAMA (Pengurusan dan Korporat), Basri Jasmo, Pengarah Urusan Ryverra, Muzalree Daud, Pengarah Eksekutif Ryverra, Sharil Omar dan Pengarah Bahagian Komunikasi dan Perhubungan Strategik Ry-

verra, Khoirul Anam Mohamed Sarif.

Misdan berkata, produk (Ryverra) di bawah kategori produk kopi, koko, teh dan rempah mencapai jumlah eksport RM150 juta iaitu 23.1 peratus.

"FAMA menjangkakan sumbangan kategori produk kopi, koko, teh dan rempah akan meningkat kepada RM200 juta menjelang akhir tahun ini," katanya.

Tambahnya, selain menerokai pasaran baharu, fokus pasaran luar FAMA pada tahun ini

ialah untuk terus meningkatkan pertumbuhan di negara sedia ada melalui Penyertaan Pameran perdagangan/ pengguna untuk produk segar & proses seperti Australia dan China, Hong Kong, Jepun, Singapura, Australia, dan Brunei.

Misdan berkata, syarikat Ryverra merupakan antara usahawan PKS Asas Tani di bawah bimbingan FAMA yang menyertai Pameran Perdagangan Gulfood Dubai 2017, Dubai di UAE yang merupakan pameran tahunan yang di sertai oleh FAMA sejak tahun 2005.

"Syarikat itu memperoleh tempahan bagi produk kategori minuman oleh pengimport dari Arab Saudi. Hantaran pertama telah dilaksanakan pada tahun 2018 sebanyak 1 kontena.

"Manakala bagi tahun 2019, hantaran eksport kedua melibatkan tiga SKU produk iaitu *mocha chocolate*, *cappuchino chocolate* & *premium chocolate* dengan anggaran nilai eksport sebanyak RM300,000," katanya.

FAMA juga telah mengadakan kerjasama strategik bersama Tabung Haji Malaysia dalam memasarkan produk agromakanan di bawah program *My Food For Ummah (MYFFU)*.